

Selepas bersara daripada dunia politik, mantan Menteri Kabinet, Profesor Yaacob Ibrahim, dan mantan Anggota Parlimen (AP), Dr Intan Azura Mokhtar, dapat memperuntukkan lebih banyak masa mendalami minat dan melakukan kegiatan yang digemari. Di samping itu, mereka berdua juga berpeluang bekerjasama dalam menghasilkan buku berjudul 'Social Context, Policies, and Changes in Singapore: Beyond the First 50 Years'. **BERITA HARIAN** meninjau pengalaman serta dorongan menghasilkan buku tersebut.

Curah ilmu bantu generasi baru pertimbang dasar terbaik bagi S'pura

► **SITI AISYAH NORDIN**
naisyah@spn.com.sg

PENGALAMAN berkecimpung dalam dunia politik mendedahkan mereka kepada proses – termasuk kesulitan mengimbangi keperluan berbeza – yang terlibat dalam melakar dasar yang berkesan demi warga.

Meskipun kini tidak lagi terlibat secara langsung dalam dunia politik, mantan Menteri Kabinet, Profesor Yaacob Ibrahim, dan mantan Anggota Parlimen (AP), Dr Intan Azura Mokhtar, ingin memastikan pengalaman mereka itu dapat membantu mempersiapkan generasi baru yang dianggap pelapis dalam mempertimbang dasar terbaik bagi Singapura dan warganya.

Ini penting meskipun tidak semua yang bakal terlibat secara langsung dalam dunia politik, namun sekurang-kurangnya golongan muda ini dapat menjadi warga yang mempunyai kesedaran mengenai apa yang berlaku di sebalik setiap pertimbangan dasar yang dilakar dan sedia menyumbang secara aktif, menurut Dr Intan.

Demikian yang diharap dapat digarap daripada buku berjudul *Social Context, Policies, and Changes in Singapore: Beyond the First 50 Years* yang disunting bersama Profesor Yaacob dengan Dr Intan, yang memaparkan 27 esei tulisan individu berbeza, termasuk golongan pakar akademik dan pengamat politik.

Buku tersebut kini digunakan sebagai buku teks bagi modul yang diajar Dr Intan di Institut Teknologi Singapura (SIT), Pengurusan Perubahan (Change Management), yang antaranya membincangkan tentang perubahan sosial.

Dr Intan kini berkhidmat sebagai pensyarah di SIT, sementara Profesor Yaacob memegang jawatan Penasihat kepada Presiden SIT.

Isu pekerjaan, pembangunan sosial dan keluarga, persekitaran dan pentadbiran

merupakan antara tujuh isu yang dibincangkan melalui esei yang dikumpulkan itu.

Ia juga merangkumi isu yang dekat di hati mereka berdua; Dr Intan menyumbang esei berjudul 'Education as a Social Leveler: Outcomes and Opportunities' yang menyentuh tentang pendidikan – salah satu isu utama yang beliau bangkitkan di Parlimen sebelum ini.

Sementara itu, esei yang ditulis Profesor Yaacob pula yang berjudul 'Smart Nation Initiatives and Its Impact' mencerminkan 'pet topic' yang merupakan antara tumpuan utama beliau sebagai Menteri Perhubungan dan Penerangan sebelum ini antara 2011 dengan 2018.

Menurut Dr Intan, idea menghasilkan buku tersebut tercetus apabila beliau – yang telah berkhidmat sebagai pensyarah SIT sejak 2017 – tidak dapat mencari sumber teks bagi modulnya, yang antaranya membincangkan tentang perubahan sosial berlatarbelakangkan konteks Singapura.

Kebanyakan buku yang digunakan adalah mengenai konteks luar negara, terutama sekali Amerika Syarikat.

"Saya ingin mereka pelajar daripada kes dan perspektif dalam konteks Singapura, di mana individu berpengaruh dan mereka yang terlibat dalam proses melakar dasar berkongsi perspektif mereka," ujarnya.

Proses penerbitan buku tersebut mengambil masa sekitar tiga tahun, daripada tercetusnya idea pada 2019 hingga ia mula dijual Mac lalu, kata Dr Intan.

Profesor Yaacob – dengan lebih 23 tahun dalam bidang politik – bersetuju menyumbang pengalamannya terhadap usaha menghasilkan buku itu apabila Dr Intan membentangkan idea tersebut.

"Kami ingin setiap esei ditulis secara reflektif.

"Ia bukan untuk memberikan jawapan kepada masalah, tapi membentangkan: be-



gini isunya, ini pula kekangan yang dihadapi (dalam mempertimbang isu ini), jadi apa yang perlu kita lakukan?

"Cara pemikiran ini yang kami ingin terapkan dalam diri pelajar," katanya.

Melalui pendedahan kepada perspektif berbeza dalam buku tersebut, Dr Intan berharap pelajar dan pembaca sedar akan peranan mereka dalam membentuk masa depan Singapura.

"Peranan memikirkan huraian bagi masalah yang timbul bukan hanya tugas pemerintah malah ia melibatkan masyarakat lebih luas termasuk pakar akademik, atau penyelidik, penggiat bidang berbeza kerana mereka membawa perspektif berlainan.

"Dengan ini, pelajar juga dapat melihat diri mereka sebagai sebahagian daripada huraian bagi masalah masa depan," katanya.

Meskipun SIT merupakan universiti yang memberikan lebih banyak tumpuan terhadap bidang teknologi, ini tidak bermakna pelajarannya perlu berada dalam 'vakum' tanpa pendedahan kepada isu-isu yang menjejaskan masa depan Singapura, menurut Profesor Yaacob.

Tambahnya: "Kami ingin pelajar berfikir tentang dasar-dasar sedia ada ini secara kritikal, fikirkan jalan keluar bagi masalah atau kekurangan dasar-dasar sedia ada.

"Ini supaya mereka melangkah keluar daripada universiti ini sebagai warga Singapura yang mampu menyumbang kepada masyarakat."

PUPUK KESEDARAN: Profesor Yaacob Ibrahim dan Dr Intan Azura Mokhtar berharap buku yang dihasilkan – berjudul 'Social Context, Policies, and Changes in Singapore: Beyond the First 50 Years' – dapat membantu mempersiapkan generasi baru yang dianggap pelapis dalam mempertimbang dasar terbaik bagi Singapura dan warganya. – Foto-foto BH

"Kami ingin setiap esei ditulis secara reflektif. Ia bukan untuk memberikan jawapan kepada masalah, tapi membentangkan: begini isunya, ini pula kekangan yang dihadapi (dalam mempertimbang isu ini), jadi apa yang perlu kita lakukan? Cara pemikiran ini yang kami ingin terapkan dalam diri pelajar."

– Penasihat kepada Presiden SIT, Profesor Yaacob Ibrahim.

"Peranan memikirkan huraian bagi masalah yang timbul bukan hanya tugas pemerintah malah ia melibatkan masyarakat lebih luas termasuk pakar akademik, atau penyelidik, penggiat bidang berbeza kerana mereka membawa perspektif berlainan. Dengan ini, pelajar juga dapat melihat diri mereka sebagai sebahagian daripada huraian bagi masalah masa depan."

– Pensyarah di SIT, Dr Intan Azura Mokhtar.